

— Kerajaan tak pernah sembu

Memali: semuka

UM 19 DEC 1985

nyikan fakta2 sebenar — Rais

PM sedia dengan PAS

Renungan

“SESUNGGUHNYA orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu.” — Maksud Al-Quran surah Al-Hujarat 13.

KUALA LUMPUR 18 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sedia bersemuka dengan PAS atau mana - mana pihak dalam sesi soaljawab bagi menjelaskan perkara - perkara yang berkaitan dengan tragedi Kampung Memali.

Di samping Perdana Menteri, Timbalannya, Datuk Musa Hitam dan para pemimpin kerajaan yang lain juga sedia berbincang dan disoal tentang tragedi tersebut yang meragut 18 nyawa termasuk empat anggota polis.

Menteri Penerangan Datuk Rais Yatim berkata: "Jika Yusof Rawa (Yang Dipertua Agung PAS) sendiri berminat atau mana-mana pihak lain ingin menyertai perbincangan itu, mereka akan diberi peluang.

"Saya akan cuba mengadakan forum ini sekiranya perlu," katanya.

Bercakap atas sifatnya sebagai jurucakap kabinet, Datuk Rais memberitahu, kerajaan tidak pernah berse- lindung atau menyembunyikan fakta-fakta sebenar meng- enai kejadian tersebut dan sikap terbuka kerajaan perlu

Oleh Kamal Zailani

dihargai oleh pihak-pihak tertentu.

Kerajaan, tegas Datuk Rais, mengutamakan kesela- matan negara dan tidak akan bertolak ansur dengan pihak-pihak yang berusaha memutarbelitkan fakta meng- enai peristiwa Memali.

Menyedari hakikat inilah katanya, kabinet bersetuju supaya ditayangkan kepada orang ramai pita video peris- tiwa di Kampung Memali kerana rakyat harus diberi gambaran sebenar tentang kejadian tersebut.

Menurut Datuk Rais, kabinet m-nyedari kemung- kinan yang akan timbul sekiranya pita video itu di- tayangkan kepada umum tetapi apa yang lebih penting ialah rakyat mengetahui keadaan sebenar dan tidak di- biarkan dalam keadaan tertanya-tanya.

Ketika ditanya bilakah penayangan pita video itu akan dibuat, Datuk Rais menyatakan, pihaknya sedang menunggu pita video itu yang masih diperlukan oleh pihak polis dalam siasatan mereka.

"Ia akan ditayangkan setelah Kementerian Pene- rangan menerimanya dan mendengar pandangan dari-

pada beberapa pihak dalam bentuk-bentuk apakah pita video itu harus disiarkan," katanya.

Beliau menjelaskan, apabila menerima pita video itu, beberapa persiapan harus dibuat terlebih dahulu ke- rana pada mulanya pita ini tidak dicadang untuk tayang- an umum.

Katanya, apabila keputusan dibuat untuk mengada- kan tayangan umum, pihaknya terpaksa membuat pe- nyusunan semula supaya apabila ditayangkan kelak, ra- kyat akan memahami keadaan sebenar.

"Ini perlu bagi memudahkan orang ramai mengikuti urutan - urutan peristiwa sehingga tercetusnya pertem- puran yang mengorbankan 18 nyawa," katanya.

Menurutnya, sudah tentu terdapat pihak-pihak yang akan memburuk - burukkan kerajaan setelah penayang- an pita video itu dibuat dan terpulanglah kepada orang ramai menentukannya.

Pihak-pihak ini, tambah beliau, akan menceritakan pula dari sudut pandangan mereka, walaupun tayangan pita video telah dibuat oleh kerajaan secara jujur.

Datuk Rais menambah, kerajaan bersedia bersemu- ka dengan mana-mana pihak selepas penayangan pita video peristiwa tersebut bagi menjelaskan pertanyaan - pertanyaan yang mungkin timbul.